



Pelancaran Pelan Pelaksanaan Daya Tahan Komuniti (CRIP) untuk Kampung Pasir Baru dan PPR Beringin, Kuala Lumpur

DBKL, Yayasan Z Zurich, Zurich Malaysia dan C40 Cities melancarkan pelan pelaksanaan bagi menguatkan iklim komuniti tempatan

Kuala Lumpur, 28 April 2025 – Dalam langkah penting bagi meningkatkan daya tahan komuniti terhadap perubahan iklim, dua pelan pelaksanaan baharu telah direka untuk komuniti terpilih di Kuala Lumpur. Sebagai sebahagian daripada Program Daya tahan Iklim Bandar (UCRP), satu usaha dibangunkan dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Yayasan Z Zurich, Zurich Malaysia dan C40 Cities di mana pelan ini memberi keutamaan kepada penduduk dalam membentuk penyelesaian untuk masa depan yang lebih selamat dan bersedia menghadapi perubahan iklim.

Pelan Pelaksanaan Daya Tahan Komuniti (CRIP) yang baharu ini telah disediakan bersama penduduk Kampung Pasir Baru (Jalan Klang Lama) dan PPR Beringin (Jinjang Utara), dua kawasan kejiranan yang paling terdedah kepada perubahan iklim di Kuala Lumpur. CRIP adalah hasil daripada kerjasama pelbagai pihak termasuk maklum balas daripada penduduk, pakar tempatan dan badan kerajaan.

Melalui bengkel kolaboratif, penilaian risiko iklim, dan penglibatan berterusan dengan penduduk, CRIP menggambarkan tindakan utama yang diperlukan untuk komuniti paling terjejas oleh banjir, haba ekstrem dan risiko iklim lain.

Pelan ini merangkumi pemasangan sistem amaran awal banjir di Kampung Pasir Baru dan program celik kewangan kepada mereka yang tinggal di kawasan perumahan sosial seperti PPR Beringin yang terjejas oleh haba ekstrem.

Dalam berlangsungnya pelaksanaan CRIP, DBKL akan memulakan pelbagai inisiatif dengan kerjasama agensi berkaitan untuk mengintegrasikan strategi CRIP ke dalam pelan adaptasi iklim yang sedia ada di Kuala Lumpur. Pelan ini akan berfungsi sebagai dokumen hidup yang akan terus berkembang, panduan untuk tindakan tempatan, mengetengahkan pemilikan komuniti, dan mengukuhkan penyelarasian antara DBKL, agensi persekutuan dan pihak berkepentingan lain.

Dengan menguji penyelesaian daya tahan di peringkat komuniti, pendekatan ini akan menyokong Pelan Tindakan Haba pertama Kuala Lumpur dan strategi iklim lain, dan memperlihatkan bagaimana sumbangan UCRP terhadap tindakan di peringkat Kuala Lumpur dalam menghadapi perubahan iklim.

Dato' Sri TPr. (Dr.) Maimunah binti Mohd Sharif, Datuk Bandar Kuala Lumpur, merasmikan pelancaran ini dan menegaskan komitmen bandar terhadap penyesuaian iklim yang inklusif yang dipimpin oleh komuniti:

"Saya berbangga kerana inisiatif berdasarkan komuniti ini adalah selaras dengan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040, 15 Program Perdana DBKL, serta komitmen kukuh DBKL terhadap Matlamat Pembangunan Lestari (SDG). Inisiatif ini pasti menyumbang kepada



aspirasi menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar yang berdaya tahan, lestari, inklusif, dan bersedia untuk masa depan."

Di majlis pelancaran tersebut, **Gregory Renand**, Ketua Yayasan Z Zurich, dan **Junior Cho**, Ketua Pegawai Eksekutif Negara, Zurich Malaysia, menegaskan komitmen jangka panjang organisasi mereka terhadap inisiatif ini dan menekankan kepentingan pelaburan dalam daya tahan iklim yang berasaskan komuniti.

"Membangunkan daya tahan terhadap perubahan iklim memerlukan kerjasama pelbagai pihak untuk memastikan perlindungan yang lebih holistik dan mampan bagi komuniti tempatan. Dengan pendekatan berdasarkan pencegahan, kami melengkapkan komuniti rentan dengan pengetahuan, alatan dan sumber yang diperlukan untuk mempersiapkan diri mereka daripada kesan negatif perubahan iklim. Kami berharap dapat mengintegrasikan hasil kajian kami melalui CRIP yang disesuaikan dan dipimpin oleh komuniti, dengan sokongan daripada rakan kongsi kami di DBKL serta C40," **Gregory Renand, Ketua Yaysan Z Zurich** berkata.

Selain itu, **Junior Cho, Ketua Pegawai Eksekutif Negara, Zurich Malaysia** menambah, *"Di Zurich Malaysia, kami percaya bahawa impak sebenar bermula di peringkat komuniti. Pelancaran CRIP ini adalah bukti apa yang boleh dicapai apabila penduduk tempatan diberi kuasa untuk memimpin. Dengan memenuhi keperluan penduduk di Kampung Pasir Baru dan PPR Beringin, kami bukan sahaja menyediakan perlindungan secara fizikal tetapi juga membina budaya kesiapsiagaan, daya tahan, dan penjagaan. Berlandaskan komitmen jangka panjang kami untuk Lindungi Segala Perkara Yang Bermakna, kami berusaha membantu komuniti dalam menghadapi cabaran perubahan iklim."*

Pelancaran ini membuktikan dengan jelas kepimpinan Kuala Lumpur dalam daya tahan iklim bandar, yang dibina atas kerjasama kukuh antara kerajaan tempatan, komuniti, dan rakan sektor swasta. Program ini disokong oleh C40 Cities sebagai rakan teknikal dan dibiayai oleh Yayasan Z Zurich, bersama Zurich Malaysia yang memainkan peranan utama dalam menyelaraskan kepimpinan daripada sektor swasta dan tindakan iklim yang dipimpin oleh komuniti.

Majlis tersebut juga menampilkan panel perbincangan interaktif, pengiktirafan kepada wakil-wakil komuniti tempatan, serta memberi penekanan terhadap maklum balas, idea dan keutamaan komuniti. Ini menandakan permulaan perjalanan ke arah kerjasama berterusan dan kemajuan yang bermakna ke arah membina Kuala Lumpur yang lebih berdaya tahan. Dengan usaha ini, Kuala Lumpur bersedia untuk memimpin dalam daya tahan iklim, membinamasa depan yang lebih kukuh dan mampan untuk penduduk dan menjadi contoh untuk bandar-bandar di seluruh dunia untuk bandar-bandar di seluruh dunia.

Untuk maklumat lanjut mengenai UCRP yang dibiayai oleh Yayasan Z Zurich, disokong oleh Zurich Malaysia dan usaha-usaha dalam membina komuniti yang berdaya tahan iklim, sila layari www.zurich.com.my/about-zurich/corporate-responsibility/urban-climate-resilience-program.

###



Nota kepada penyunting:

Mengenai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) adalah badan pentadbir untuk ibu negara Malaysia, Kuala Lumpur. Sebagai pihak berkuasa tempatan, DBKL berusaha menyediakan sebuah bandar yang mampu dan berdaya tahan untuk semua dengan mempromosikan program pembangunan fizikal dan sosio-ekonomi, kawalan pembangunan, serta perkhidmatan perbandaran yang ditambah baik dengan tadbir urus bandar yang cemerlang. Untuk maklumat lanjut, sila lawati www.dbkl.gov.my.

Mengenai Yayasan Z Zurich

Yayasan Z Zurich bekerjasama dengan warga kerja Kumpulan Zurich Insurance, pihak berkepentingan yang lain, serta kerajaan dan NGO ke arah mewujudkan masa depan agar semua orang mampu berkembang maju dalam menghadapi krisis iklim yang semakin meningkat, agar mereka yang dibebani tekanan hidup diperkasakan dan dapat berkongsi pendapat, agar golongan terpinggir dalam masyarakat mampu mencapai potensi penuh mereka.

Yayasan Z Zurich adalah yayasan amal berpangkalan di Switzerland yang ditubuhkan oleh ahli-ahli Kumpulan Zurich Insurance. Ia merupakan saluran utama yang digunakan oleh Kumpulan Zurich Insurance untuk melaksanakan strategi pelaburan komuniti globalnya.

Layari laman web Yayasan Z Zurich untuk mengetahui lebih lanjut tentang pelbagai usahanya: <https://zurich.foundation>. Ikuti Yayasan Z Zurich di [LinkedIn](#), [Twitter](#), [Facebook](#), [Instagram](#) dan [YouTube](#).

Mengenai Zurich Malaysia

Zurich Malaysia adalah istilah rujukan kolektif bagi anak-anak syarikat Zurich Insurance Group (Zurich) yang beroperasi di Malaysia: Zurich General Insurance Malaysia Berhad, Zurich Life Insurance Malaysia Berhad, Zurich General Takaful Malaysia Berhad dan Zurich Takaful Malaysia Berhad. Zurich Malaysia menawarkan pelbagai penyelesaian insurans dan takaful yang komprehensif; membantu individu dan juga pemilik perniagaan memahami dan melindungi diri, perniagaan dan juga asset mereka daripada risiko. Zurich Malaysia mempunyai rangkaian cawangan bersepadu di bandar-bandar utama di seluruh negara dan juga agensi dan saluran pengedaran yang berdedikasi di seluruh negara untuk memenuhi keperluan pelanggan. Untuk maklumat lanjut mengenai Zurich Malaysia, layari www.zurich.com.my

Mengenai C40 Cities

C40 adalah rangkaian hampir 100 orang datuk bandar dari bandar-bandar terkemuka di dunia yang bergerak untuk melaksanakan tindakan segera yang diperlukan waktu semasa untuk menghadapi krisis iklim dan mewujudkan masa depan di mana semua penduduk dapat berkembang maji. Jaringan Datuk Bandar C40 komited untuk menggunakan pendekatan berdasarkan sains dan berfokuskan manusia untuk membantu dunia mengehadkan pemanasan global kepada 1.5°C dan membina komuniti yang sihat, adil dan tahan lasak. Kami bekerja bersama pelbagai wakil dari warga kerja, ahli perniagaan, gerakan iklim belia dan masyarakat awam untuk menyokong datuk-datuk bandar dalam mengurangkan jejak karbon sebanyak 50% menjelang 2030 dan membantu menghapuskan penggunaan bahan bakar fosil sambil meningkatkan ketahanan iklim dan keadilan bandar.

Pengerusi bersama “Co-Chairs” semasa C40 adalah Datuk Bandar Sadiq Khan dari London, United Kingdom, dan Datuk Bandar Yvonne Aki-Sawyerr dari Freetown, Sierra Leone; Datuk Bandar New York City yang berkhidmat selama tiga penggal, Michael R. Bloomberg berfungsi sebagai Presiden Lembaga. Kerja C40 adalah disokong oleh tiga penaja strategik kami: Bloomberg Philanthropies, Children’s Investment Fund Foundation dan Realdania.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai kerja C40 dan bandar-bandar kami, sila lawati [laman web](#) kami atau ikuti kami di [X](#), [Instagram](#), [Facebook](#) dan [LinkedIn](#).